

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Bajet Tahunan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan bermula Mei 2013 sehingga Mei 2014 iaitu dari segi emolumen dan juga pembangunan infrastruktur.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Mei 2013 sehingga Mei 2014, emolumen yang telah disalurkan kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) ialah RM8.89 juta. Manakala peruntukan yang disalurkan bagi pembangunan infrastruktur tahun 2013 adalah berjumlah RM18.54 juta yang melibatkan 709 projek.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN : 31

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah bentuk perlindungan yang diberi dan dijamin oleh Kerajaan kepada petugas-petugas yang menjalankan siasatan di kawasan naas MH17.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara bentuk perlindungan yang diberi dan dijamin oleh Kerajaan kepada petugas-petugas yang menjalankan siasatan di kawasan naas MH17 adalah seperti berikut:

- a) bantuan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) – disalurkan kepada anggota atau waris berupa wang tunai mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan iaitu:
 - i) terkorban – RM22,000;
 - ii) cedera parah – RM750 hingga RM30,000 (mengikut tahap kecederaan);
- b) bantuan Ex-Gratia – perlindungan bencana kerja semasa menjalankan tugas, disalurkan kepada anggota atau waris;
- c) khairat kematian disalurkan melalui tabung-tabung Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti Kumpulan Wang Polis (KWPS), Tabung Kebajikan PRDM (TKPDRM) dan Tabung Pegawai Kanan PDRM (TPKPDRM); dan
- d) bantuan mengurus jenazah dan bayaran pengangkutan jenazah bagi perkhidmatan awam mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2010.